

## **KEBERKESANAN LATIHAN PRAKTIK DENGAN *INTERN PIT STOP KIT* DIKALANGAN PELAJAR SARJANA MUDA SAINS PENTADBIRAN**

Dr. Nor Azira Ayob  
norazira@ns.uitm.edu.my

Suzei Mat Nurudin  
suzei78@yahoo.com

Nor Suhaiza Md Khalid  
suhaizakhalid@yahoo.com

Zarina Mohd Zain  
zarina752@ns.uitm.edu.my  
*Universiti Teknologi MARA*

### **ABSTRAK**

*Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi telah mewajibkan latihan industri kepada pelajar Sarjana Muda Sains Pentadbiran (AM228) dan Sarjana Muda Pentadbiran Korporat (AM225) semester lima bermula pada Disember 2010 hingga kini. Objektif utama latihan industri adalah untuk memberi pengenalan dan pendedahan awal kepada para pelajar tentang suasana pekerjaan yang sebenar. Ini adalah bertujuan supaya pelajar dapat memperoleh pengalaman bekerja yang bersesuaian dengan kursus yang diambil di samping itu dapat membantu pelajar dalam mendapat gambaran sebenar mengenai kerjaya di masa hadapan. Sebelum ini, hanya taklimat lisan diberikan kepada pelajar sebelum latihan industri dijalankan, ini menimbulkan kesulitan dikalangan pelajar dimana pelajar sentiasa menghubungi koordinator latihan industri setiap kali berhadapan dengan masalah di tempat latihan. Tambahan pula, satu kajian rintis telah dijalankan untuk mendapatkan maklumbalas dari pihak majikan di tempat latihan industri pelajar berkaitan dengan sebarang komen dan cadangan penambahbaikan. Justeru itu, *INTERN PIT STOP KIT* dijadikan inisiatif untuk membantu koordinator dan juga pelajar dengan menyediakan maklumat lengkap berkaitan dengan prosedur dan tatacara sepanjang sesi latihan industri. Ianya berbentuk ringkas, padat dengan maklumat*

*yang terperinci dan mudah untuk dibawa oleh para pelajar sepanjang menjalani latihan industri.*

**Kata kunci:** *Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, latihan industri, Intern Pit Stop Kit*

## **PENGENALAN**

Kertas kerja ini adalah berdasarkan kertas konsep yang berkaitan dengan latihan industri di Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP). Mempunyai bakat dan pengetahuan adalah sesuatu kelebihan yang ada pada seseorang. Justeru, dalam pembangunan modal insan seseorang pelajar, ia perlulah diasah dan perlu dipertingkatkan melalui pengalaman, kemahiran dan pembelajaran setiap hari bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kebolehan seseorang. Oleh yang demikian, pengalaman sebelum bergelar pekerja di sesebuah organisasi adalah perlu diterapkan. Justeru, latihan praktik yang diwajibkan kepada setiap pelajar sebelum seseorang pelajar itu menghadapi dunia sebenar di alam pekerjaan adalah sangat penting. Ini memandangkan para graduan perlu mempunyai kompetensi dan kemahiran untuk terus berdaya saing dalam menghadapi cabaran dunia pekerjaan masa kini.

Menurut kajian Muhammad Zul Azri et al (2016) dan Ali et al. (2009) dalam sistem pendidikan masa kini, para pelajar perlu memenuhi kehendak komersil dan industri. Dalam masa yang sama, mereka boleh menghasilkan tenaga kerja yang mempunyai sifat inovatif, mereka cipta sesuatu yang baharu, produktif serta mempunyai kemahiran yang tinggi. Kesenambungan daripada itu, latihan industri atau dikenali sebagai latihan praktik di Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP) telah diperkenalkan yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar bagi menghadapi situasi sebenar alam pekerjaan serta bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan meluaskan pengetahuan mereka berkaitan urusan pekerjaan yang dilakukan.

Selain daripada itu, dengan pendedahan kepada latihan praktik ini, ia turut memberi ruang dan peluang kepada para pelajar bagi meningkatkan disiplin diri, berupaya untuk mengetahui tatacara kerja sebenar, melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan serta mementingkan sikap menepati masa dan menghormati orang lain. Justeru, latihan praktik telah diperkenalkan oleh fakulti FSPPP pada tahun 2003 bagi memastikan para pelajar Ijazah Sarjana Muda mendapat peluang dan ruang bagi mempelajari sesuatu yang baharu di organisasi bagi mendapatkan kemahiran dan pengalaman sendiri. Keseluruhan pelajar diwajibkan untuk menjalani latihan praktik selama lapan (8) minggu. Latihan praktik yang diwajibkan adalah bertujuan untuk

memberi peluang yang baik kepada para pelajar untuk mengenali alam pekerjaan, organisasi, operasi organisasi, hubungan dan komunikasi pelbagai lapisan sumber manusia dalam organisasi dan pelbagai perkara lain yang tidak terdapat di dalam bilik kuliah yang dipelajari secara amali.

Objektif latihan praktik yang diperkenalkan di FSPPP antaranya ialah

- a. Untuk memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar terhadap suasana pekerjaan sebenar di agensi luar terutamanya dalam bidang pentadbiran dan pengurusan
- b. Melatih para pelajar untuk meningkatkan daya berinteraksi secara lebih baik dan professional dengan pelbagai lapisan masyarakat dan agensi yang terlibat
- c. Meningkatkan potensi dan kemampuan para pelajar dalam mempelajari sesuatu yang baharu di organisasi dan
- d. Mengaplikasikan teori yang dipelajari di dalam bilik kuliah dengan pengalaman yang bakal dimiliki semasa menjalani latihan praktik di organisasi pilihan

Justeru, peranan Koordinator latihan praktik dalam membantu para pelajar sebelum mereka keluar menjalani latihan praktik adalah sangat penting. Para pelajar perlu diberi pendedahan sebelum, semasa dan selepas mereka menjalani latihan praktik. Ini adalah bagi memudahkan para pelajar bagi mengikuti perkara sebenar dan tidak melakukan kesilapan sebelum, semasa dan selepas mereka pulang dari menjalani latihan praktik. Keadaan ini memandangkan para pelajar tidak mempunyai sistem simpanan yang baik menyebabkan pelbagai borang yang diberikan kepada mereka hilang atau rosak. Senarai sebelum, semasa dan selepas yang perlu diberi penekanan antaranya ialah seperti berikut:

<b>SEBELUM</b>
<ol style="list-style-type: none"><li>a) Pastikan anda telah dibekalkan dengan Borang Permohonan Menjalani Latihan Praktikal</li><li>b) Mengenalpasti sendiri sekurang-kurangnya 3 organisasi untuk anda menjalani latihan praktikal</li><li>c) Mengembalikan Borang kepada Penyelaras Latihan Praktikal pada tarikh yang telah ditetapkan</li></ol>

- d) Memastikan anda mendapat jawapan bertulis/rasmi dari organisasi melalui Penyelaras Latihan Praktikal anda dan menyimpan surat ini dengan selamat, memandangkan ia adalah dokumen pengenalan anda apabila melapor diri nanti
- e) Menghadiri taklimat latihan praktikal pada satu tarikh yang akan ditetapkan oleh Fakulti
- f) Memastikan anda menerima satu kit laporan praktikal yang antara lain mengandungi dokumen berikut:-
  - Buku Log
  - Host Supervisor Evaluation Form
  - Surat Aku Janji
  - Guidelines for Practical Training Report
  - Practical Training Report Assessment Form
  - Log Book Assessment Form
  - Borang Pengesahan Kehadiran Pelajar Latihan Praktikal
- g) Menandatangani dua salinan Surat Aku Janji dan satu salinan diserahkan kepada Penyelaras Latihan Praktikal untuk simpanan Fakulti pada hari taklimat.
- h) Memastikan segala persiapan awal meliputi kediaman, kenderaan, pakaian yang sesuai, duit saku dan sebagainya lengkap dan mencukupi sebelum memulakan latihan praktikal
- i) Memastikan makluman kepada keluarga/saudara terdekat berhubung tempat serta maklumat lengkap organisasi anda akan menjalani latihan praktikal di berikan terutama untuk kegunaan semasa kecemasan
- j) Memastikan nombor telefon bimbit adalah yang paling kemaskini dan diberikan kepada Penyelaras Latihan Praktikal serta keluarga
- k) Memastikan Buku Log dibawa bersama sebelum menjalani latihan praktikal
- l) Pastikan anda membawa Kad Pelajar anda

## **SEMASA**

- a) Melaporkan diri ke organisasi berkenaan sebagaimana yang dinyatakan didalam surat tawaran. Pastikan dokumen yang berkenaan seperti gambar berukuran pasport dll (jika dikehendaki) disediakan lebih awal.
- b) Semasa melaporkan diri perlu dipastikan segala dokumen yang berkenaan yang perlu diserahkan kepada penyelia di organisasi anda menjalani latihan praktikal diambil tindakan sewajarnya. Di antara borang berkenaan adalah meliputi:
  - i) Maklumat Latihan Praktikal Pelajar-Panduan Organisasi
  - ii) Host Supervisor Evaluation Form
  - iii) Borang Pengesahan Kehadiran Pelajar Latihan Praktikal
- c) Memastikan Borang Pengesahan Kehadiran Pelajar Latihan Praktikal dilengkapi oleh penyelia anda dan difaxkan, dipos atau emel ke Fakulti dalam tempoh seminggu dari tarikh lapor diri.
- d) Menjalani latihan praktikal sepanjang tempoh yang telah ditetapkan dengan mematuhi segala peraturan Universiti dan juga peraturan yang ditetapkan oleh organisasi di mana anda menjalani latihan praktikal.
- e) Memastikan anda sentiasa menjaga sahsiah rupa diri, kedatangan, disiplin, komunikasi dan juga segala aspek yang berkaitan demi menjaga nama baik anda sebagai pelajar UiTM, keluarga, Fakulti dan juga Unversiti serta organisasi di mana anda menjalani latihan praktikal
- f) Memastikan Buku Log Latihan Praktikal yang disediakan dijaga dengan selamat dan di lengkapkan sewajarnya sebagaimana format yang telah ditetapkan
- g) Memastikan anda mengambil peluang menjalani latihan praktikal ini untuk mendapatkan bahan-bahan/maklumat yang sewajarnya bagi membantu melicinkan penyediaan Laporan Latihan Praktikal kelak
- h) Memastikan penyelia anda di organisasi berkenaan melengkapkan Borang Host Supervisor Evaluation Form dan dikembalikan ke Fakulti selepas latihan praktikal tamat dalam sampul surat berlakri.

- i) Memastikan anda tidak terlibat dalam sebarang perlakuan/aktiviti yang boleh disifatkan bertentangan dengan peraturan negara, Universiti serta organisasi di mana anda menjalani latihan praktikal.
- j) Sentiasa menjaga keselamatan dan kehormatan serta disiplin diri sepanjang tempoh anda menjalani latihan praktikal.

*Jadual 1: Peranan sebelum, semasa dan selepas menjalani latihan praktik*

Kesinambungan daripada permasalahan yang timbul, satu inisiatif telah dilakukan bagi memudahkan para pelajar dalam usaha mencari dan mengenalpasti organisasi pilihan, perkara yang perlu diberi perhatian semasa menjalani latihan praktik dan selepas pulang daripada organisasi. Ia merupakan objektif utama bagi memudahkan dan meningkatkan keberkesanan sistem pengurusan simpanan para pelajar berkaitan urusan latihan praktik. Justeru, satu *INTERN PIT STOP KIT* telah diperkenalkan bagi memudahkan peranan koordinator latihan praktik dan para pelajar yang mana di dalam kit tersebut, terdapat segala arahan dan perkara yang perlu dilakukan dan keadaan ini memudahkan para pelajar secara keseluruhannya.

### **OBJEKTIF *INTERN PIT STOP KIT***

- a. Sebagai rujukan kepada pelajar sebelum memohon organisasi bagi tujuan latihan industri.
- b. Memberi panduan kepada pelajar tentang tatacara sepanjang latihan industri dijalankan di organisasi
- c. Sebagai rujukan utama para pelajar untuk membuat laporan akhir kepada fakulti.

Dengan terhasilkan *INTERN PIT STOP KIT* ini, dapat menjadi rujukan utama kepada para pelajar sebelum, semasa dan selepas menjalani latihan praktik. *INTERN PIT STOP* ini merupakan panduan lengkap yang disediakan oleh koordinator latihan praktik FSPPP dalam bentuk yang ringkas namun terperinci merangkumi maklumat penting sepanjang sesi latihan industri dijalankan.

### **HASIL DAPATAN UJIAN RINTIS**

Hasil temubual bersama lima (5) orang informan dalam kalangan para pelajar Ijazah Sarjana Muda di UiTM Seremban 3 mereka menyatakan sangat bersetuju dengan pengenalan *INTERN PIT STOP* ini. Dengan adanya kit ini, ia dapat memudahkan para pelajar dari awal sehingga mereka mengakhiri latihan praktikal di organisasi.

Informan A: Ya, saya sangat bersetuju dengan adanya kit ini, ia memudahkan saya dan rakan-rakan sedari awal memohon tempat praktikal lagi.

Informan B: Semua perkara ada di dalam kit yang diperkenalkan ini dari sebelum saya keluar apa yang perlu saya lakukan sehinggalah saya balik ke kampus semula.

Informan C: Dalam kit ini, segala dokumen yang perlu disompan terdapat dalam kit yang disediakan. Ia sangat handy dan memudahkan kami semua.

Informan D: Kit ini juga ada acara untuk membuat laporan akhir beserta format yang perlu diikuti. Ia memudahkan kami dalam menyediakan laporan akhir untuk dihantar kepada pensyarah penyelia.

Informan E: Kami bersyukur dengan adanya kit ini, ia sangat berguna kepada para pelajar.

Hasil temubual bersama lima (5) orang informan tersebut menunjukkan dengan adanya INTERN PIT STOP KIT ini dapat memudahkan para pelajar daripada sebelum, semasa dan selepas melaksanakan latihan praktik di organisasi. Kesenambungan daripada itu, dengan terhasilnya **INTERN PIT STOP KIT** ini, ia dapat menjadi rujukan utama kepada para pelajar dan memudahkan mereka sepanjang bergelar pelajar yang bakal dan selepas menjalani latihan praktik.

## **KESIMPULAN**

Sebagai rumusan, bolehla disimpulkan hasil dapatan dari kajian yang dijalankan telah membuktikan kegunaan dan keberkesanan **INTERN PIT STOP KIT** dikalangan pelajar Sarjana Muda Sains Pentadbiran di Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM kampus Seremban 3. Segala permasalahan yang timbul dapat di atasi dengan memperkenalkan **INTERN PIT STOP KIT** yang menjadi rujukan utama pelajar sebelum, semasa dan selepas menjalani latihan praktik di organisasi yang telah dipilih.

## **RUJUKAN**

- Ali, H., L. Ahmad, S. Ahmad and N. Ali. 2009. "Keperluan, kepentingan dan sumbangan perancangan pendidikan dalam pembangunan ekonomi Malaysia." e-BANGI: **Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan 4(1)**: 13-29.
- Muhammad Zul Azri Muhammad Jamil, Norinsan Kamil Othman\*, Irman Abdul Rahman, Faizal Mohamed Dan Zalita Zainuddin. 2016. Keberkesanan Pelaksanaan Sistem Latihan Amali / Industri dalam Pengurusan Penempatan

Latihan Industri bagi Pelajar Pusat Pengajian Fizik Gunaan. **Jurnal Personalia Pelajar 19(1)**. 39-48

Scott A. Snell, Shad S. Morris, George W. Bohlander (2016) 17th edition Mananaging Human Resources, Cencage Tehnology Edition

Gary Dessler (2008) Human Resource Management, eleventh edition, Pearson Prentice Hall

Stephen P. Robbins & Mary Coulter (2009) Management, tenth Edition, Pearson International Edition